

Detik Raya Yang Paling Berharga Bagi Najib, Tunai Ibadah Puasa Dan Kesempatan Bermaaf-Maafan
Bername
7 Ogos, 2013

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Bagi Datuk Seri Najib Tun Razak, detik paling berharga dalam sambutan Hari Raya Aidilfitri ialah kesempatan bermaaf-maafan.

Perdana Menteri juga turut melihat sambutan Hari Raya sebagai satu kemenangan dalam menunaikan ibadah puasa.

Beliau berkata demikian dalam klip video yang dimuat dalam laman Facebooknya serta disiarkan melalui siaran televisyen sempena sambutan Aidilfitri.

Dalam klip video selama 90 saat itu, Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor turut menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya kepada umat Islam di negara ini yang akan menyambut 1 Syawal.

Najib juga mengimbau kembali semasa menyambut Hari Raya di zaman kanak-kanaknya bersama Allahyarham ayahandanya Tun Abdul Razak Hussein, di mana keriangannya waktu ialah berpeluang bermain bunga api serta mendapat duit raya.

"Itulah waktu yang paling manis," katanya yang berpakaian baju Melayu berwarna merah jambu pekat, sedondon dengan isteri, yang berpakaian baju kurung moden.

Menyentuh mengenai makanan kegemarannya, Najib berkata beliau suka lemak yang lemak bersama rendang yang sedap, selain halwa maskat, yang merupakan manisan "yang lain daripada yang lain."

Beliau juga turut menasihatkan mereka yang pulang ke kampung supaya jangan kejar masa, "yang penting dapat sambut raya dengan kaum keluarga dan selamat tiba di destinasi."

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968939>